

Tun Dr Mahathir punyai karisma tersendiri

Masih mempunyai pengikut walaupun sering mengkritik kepemimpinan negara

ARHIZA AHMAD

SHAH ALAM - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mempunyai karismanya tersendiri apabila 5,000 hadirin menanti ceramah di Bukit Gantang, Perak dan Bukit Selambau, Kedah, kelmarin.

Bekas Pengerusi Tetap UMNO, Tan Sri Onn Ismail berkata, ini menunjukkan Tun Dr Mahathir masih mempunyai pengikut dan disenangi oleh semua pihak walaupun sering mengkritik kepimpinan negara.

"Siapa tidak mengenali Tun (Dr Mahathir)? Beliau mempunyai daya tarikan dan ke mana saja ia pergi, malah saya yakin dengan kembalinya ke dalam UMNO ia turut menarik semula ahli yang bertindak keluar parti untuk menyertainya semula.

"Ini kerana beberapa ahli

UMNO turut mengikuti jejak langkah beliau dengan meninggalkan parti berkenaan, ketika Tun berbuat demikian beberapa tahun lalu.

"Sekembalinya Tun (Dr Mahathir) ke dalam UMNO mereka yang menyertai beliau itu akan turut berbuat demikian, malah Tan Sri Sanusi Junid, telah mengikut jejak langkah berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada Sinar Harian bagi mengulas kemasukan Tun Mahathir ke UMNO yang diumumkan dalam persidangan penghujung bulan lalu.

Kelmarin, Tun Dr Mahathir berada di Parlimen Bukit Gantang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Selambau bagi membantu jentera Barisan Nasional (BN) menghadapi pilihan raya kecil.

Beliau menyertai UMNO semula Sabtu lalu dan kali terakhir Tun Mahathir



● Dr Mahathir melambai kepada orang ramai selepas menyampaikan ucapannya di majlis Program Merakyatkan Seni Budaya di Padang Batu 2 1/2 Jalan Simpang, Taiping kelmarin.

membantu calon BN ialah semasa pilihan raya umum 2004 yang diadakan enam bulan selepas beliau bersara.

Kehadiran beliau disifatkan oleh pemimpin-pemimpin BN khususnya UMNO sebagai satu suntikan semangat dan sokongan menghadapi hari pengundian.

Onn berkata, dengan penyertaan semula Tun Mahathir akan memantap-

kan lagi barisan UMNO itu sendiri dan memberikan keyakinan kepada rakyat yang mula menaruh kepercayaan.

"Saya berharap suntikan semangat yang diberikan oleh Tun Mahathir dalam UMNO akan menjadikan parti ini terus kukuh seiring dengan kelimpahan nikmat yang diperoleh rakyat di bawah pemerintahan BN," katanya.